

67 PPR, perumahan awam bakal dapat lif baharu

BH- 17/10/2021 m/s: 8

DBKL peruntuk RM127 juta, kerja penggantian bermula awal tahun depan

Kuala Lumpur: Semua 67 projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam di Kuala Lumpur dijangka mendapat lif baharu dalam tempoh sekurang-kurangnya dua tahun lagi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM127 juta bagi menggantikan semua lif lama.

Katanya, kerja penggantian lif itu dijangka dimulakan awal tahun depan, selepas proses perolehan kontrak selesai.

"Di mana-mana PPR, pun lif ini sangat penting untuk pergerakan penduduk dan kerajaan memandang serius masalah ini (lif lama dan rosak).

"Saya berharap proses perolehan dapat dipercepatkan dan jangka masa (kerja penggantian lif) mungkin setahun hingga dua tahun. Bergantung kepada kontrak dan jumlah blok bagi setiap PPR," katanya pada sidang media selepas meninjau Perumahan



Ismail Sabri meninjau Perumahan Awam Seri Perak di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Shahidan.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Awam Seri Perak, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Ismail Sabri berkata, daripada keseluruhan peruntukan oleh DBKL, sebanyak RM8.4 juta disalurkan kepada Perumahan Awam Seri Perak bagi penggantian 14 unit lif di tujuh blok kawasan perumahan itu yang berusia 35 tahun.

Selain itu, katanya, DBKL juga memperuntukkan RM1.8 juta bagi tujuan pendawaian elektrik di Perumahan Awam Seri Perak.

Beliau berkata, bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), kerajaan memperuntukkan RM15 juta bagi kerja menaik taraf dan membaiki kemudahan seperti longkang, kaki lima, taman permainan kanak-kanak dan

gelanggang futsal di semua PPR dan perumahan awam di Kuala Lumpur.

Ditanya masalah kekurangan tempat meletakkan kenderaan di kawasan PPR dan perumahan awam, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang meneliti beberapa kaedah untuk mengatasi masalah itu, termasuk cadangan membina bangunan meletak kenderaan bertingkat.

BERNAMA